



**KAJIAN KEPERLUAN DAN KEBERKESANAN DHS BOOKING,
DEVANAI ENTERPRISE**

VISHANTHINI A/P MANIKAM

(10DPM19F2002)

NIVASHINI A/P WADIVELLO

(10DPM19F2066)

SAARVIEN A/L KALAI CHELVAN

(10DPM19F2072)

TINESH A/L MARIAPPEN

(10DPM19F2074)

JABATAN PERDAGANGAN

DPM4A

SESI DISEMBER 2021/2022

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

KAJIAN KEPERLUAN DAN KEBERKESANAN DHS BOOKING, DEVANAI ENTERPRISE

Kami, adalah pelajar **Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai**, yang beralamat di **Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang**.

1. Kami mengakui bahawa projek Keperluan dan Keberkesanan DHS Booking, Devanai Enterprise dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
2. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek Keperluan dan Keberkesanan Laman Web DHS Booking, Devanai Enterprise kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penanugerahan **Diploma Pengajian Perniagaan** kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui

oleh yang tersebut;

VISHANTHINI A/P MANIKAM (000823-07-0748)
NIVASHINI A/P WADIVELLO (000519-02-0412)
TINESH A/L MARIAPPEN (010917-02-0775)
SAARVIEN A/L KALAI CHELVAN (010525-08-1333)

PENGHARGAAN

Dengan peluang yang ada ini, ribuan terima kasih kepada Dr Rohani Binti Mm Yusoff iaitu pensyarah Business Projek yang telah meletakkan sepenuh Kepercayaan beliau kepada pengkaji untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

Seterusnya, pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu untuk menyempurnakan tugas ini terutamanya kepada pensyarah penyelia pengkaji Puan Fadzilah binti Ahmat Hayudin atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar sepanjang masa tugas ini dijalankan.

Selain itu, pengkaji juga turut berterima kasih kepada pemilik Devanai Enterprise atas memberi kebenaran untuk pengkaji menjalankan projek dengan teliti. Justeru, pengkaji juga berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan pengkaji kerana telah memberikan bantuan dan bekerjasama bagi menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Akhir sekali, ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas. Segala bantuan yang telah beliau diberikan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan dan sokongan beliau, semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai kebolegunaan laman web yang mudah alih dalam sesebuah perniagaan menggunakan medium teknologi. Laman web yang mudah alih ini dibangunkan untuk membantu syarikat pembangun di luar sana dalam menjalankan perniagaan mereka. Hasil dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa pensyarah bersama dan pelajar sangat berpuas hati terhadap laman web yang dibangunkan ini. Tambahan pula, pembinaan laman web yang mudah alih ini berjaya dibangunkan dan berpotensi dapat membantu syarikat di luar sana. Kesimpulannya, diharapkan laman web ini dapat memberikan ruang serta idea kepada inovasi yang seterusnya dalam medium teknologi yang sedang membangun pada masa akan datang. kata kunci: kebolegunaan laman web yang mudah alih, membantu syarikat pembangunan, laman web berjaya dibangunkan, laman web diharapkan dapat memberi ruang serta idea kepada inovasi seterusnya, teknologi yang sedang membangun.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	2
	PENGHARGAAN	3
	ABSTRAK	4
	KANDUNGAN	5
1	Pengenalan	8
	1.1 Pendahuluan	8
	1.2 Latar Belakang Projek	9
	1.3 Pernyataan Masalah	9 – 10
	1.4 Analisis Keperluan	10 – 13
	1.5 Objektif Projek	14
	1.6 Persoalan Projek	14
	1.7 Skop Projek	14
	1.8 Kepentingan Projek	15
	1.9 Takrifan Projek	15
	1.10 Rumusan	15
2	KAJIAN LAPANGAN	16
	2.0 Pendahuluan	16
	2.1 Keperluan DHS Booking	16
	2.2 Keberkesanan DHS Booking	17

	2.3 Perniagaan atas talian	17 – 18
	2.4 Rumusan	18
3	METODOLOGI / REKA BENTUK	19
	3.1 Pendahuluan	19
	3.2 Reka Bentuk Projek	19
	3.2.1 Kaedah / Prosedur / Teknik Penghasilan projek	19 – 24
	3.2.2 Cara mengendalikan	24 – 25
	3.3 Bahan dan peralatan	26
	3.4 Kajian Rintis	27
	3.5 Maklum balas Kajian Rintis	27 – 31
	3.6 Penambah baikan produk	32
	3.7 Kaedah analisis data	33
	3.8 Impak Produk	33
	3.9 Rumusan	34
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	35
	4.1 Pendahuluan	35
	4.2 Dapatan Kajian / Pengujian	35 – 36
	4.3 Perbincangan	39
	4.4 Kos yang terlibat	39
	4.5 Rumusan	39

5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	40
	5.1 Pendahuluan	40
	5.2 Kesimpulan	40
	5.3 Cadangan	40 – 41
	5.4 Limitasi Projek	41
	5.5 Rumusan	42
	RUJUKAN	43
	LAMPIRAN	44 - 46

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Penggunaan teknologi dalam meningkatkan ekonomi merupakan perkara yang amat penting sekali terutama pada masa-masa Covid-19 ini. Pandemi covid telah mengekang pelbagai aktiviti masyarakat salah satunya adalah sektor ekonomi. Masyarakat sudah diminimkan untuk melakukan transaksi jual beli secara langsung *face to face* demi menjaga keutuhan dan kelangsungan hidup. Untuk meningkatkan dan memudahkan kembali sektor ekonomi masyarakat dalam bidang perniagaan maka pelbagai cara boleh dilakukan, di antaranya adalah membina laman web *G-Site*. Namun amat di sayangkan tidak semua mahasiswa dan masyarakat mampu membina laman web, apalagi aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengannya. Hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor di antaranya kurang kepakaran dalam bidang teknologi, kurangnya pendedahan dan penjelasan daripada pakar-pakar, masyarakat lebih suka betransaksi secara tradisional *face to face* dan kurangnya keyakinan diri terhadap penjualan barang secara online laman web dan sebagainya. Padahal sama-sama kita ketahui bahwa wujudnya website dapat memasukkan pelbagai informasi-informasi tentang produk dan bentuk perniagaan yang dijalankan.

Pengkaji menjalankan kajian di Syarikat Devanai Enterprise, iaitu sebuah perniagaan menggunting rambut di Taiping Perak. Jenis perniagaan adalah milikan tunggal dan menjalankan perniagaan menggunting rambut seperti mengikut kehendak pelanggan. Kajian ini tertumpu kepada masalah yang syarikat hadapi yang dikendalikan oleh mereka iaitu syarikat Devanai Enterprise. Oleh sebab itu, kami bercadang untuk membuat DHS Booking untuk menyelesaikan masalah syarikat Devanai Enterprise hadapi ini dengan idea-idea inovasi yang kreatif.

1.2 Latar Belakang Projek

Syarikat yang dipilih adalah Syarikat Devanai Enterprise yang merupakan kedai gunting rambut. Semasa kajian dilakukan, pengkaji mendapati kehadiran pelanggan pada satu-satu masa agak ramai melebihi 5 hingga 6 orang dan pelanggan terpaksa menunggu satu tempoh yang lama. Semasa pandemik, setiap syarikat perlu mematuhi SOP di mana antara SOP yang diperkenalkan adalah mengurangkan kehadiran orang pada satu-satu tempat agar tidak ramai. Apabila pelanggan ramai di kedai, mereka menunggu lama kerana perkhidmatan yang ditawarkan untuk menggunting rambut mengambil masa di antara 30 hingga 40 minit. Sekiranya, pelanggan hadir pada satu-satu masa antara lima orang, pelanggan terpaksa menunggu sekurang-kurangnya antara 15 minit hingga 40 minit untuk mendapat giliran seterusnya. Sepanjang tempoh kajian dilakukan, pengkaji mendapati antara masalah yang dihadapi oleh syarikat ini ialah pelanggan yang datang ke kedai menunggu lama untuk gunting rambut. Masalah yang seterusnya adalah tidak mempunyai perisian tentang syarikat Devanai Enterprise. Semasa tinjauan lapangan dilakukan, kami mendapati syarikat ini masih lagi tidak mempunyai website tersendiri untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan.

1.3 Penyataan Masalah

Akibat daripada pandemik Covid - 19 yang telah melanda negara kita ini, telah menyebabkan mereka terpaksa menutup kedai tersebut daripada beroperasi. Secara tidak langsung, ini berikutan akan menyebabkan kebanyakan peniaga kecil tidak dapat beroperasi dan sekaligus menyebabkan mereka hilang punca pendapatan. Kesan pandemik memberikan kesan untuk syarikat Devanai Enterprise.

Masalah utama syarikat ini adalah pelanggan yang datang ke kedai menunggu lama sekurang-kurangnya antara 15 minit hingga 40 minit untuk mendapat giliran seterusnya untuk menggunting rambut kerana ramai pelanggan mengunjung ke kedai pada masa yang sama. Ini menyebabkan pelanggan menjadi tekanan emosi apabila menunggu lama. Masalah yang seterusnya adalah syarikat Devanai Enterprise masih tidak mempunyai pengoperasian secara digital. Disebabkan syarikat ini masih belum mempunyai pendigitalan menyebabkan syarikat ini kurang dikenali secara digital.

Maka dengan itu, kami bercadang untuk membangunkan satu Laman Web DHS Booking untuk Devanai Enterprise bagi menguruskan perniagaan dengan sistematik dan juga membantu

pelanggan membuat tempahan secara atas talian. Dengan ini, ianya dapat membantu mengembangkan lagi perniagaan Devanai Enterprise dalam perniagaan secara atas talian. Jadi di sini, kami membuat kajian ini adalah untuk menangani masalah tersebut dengan menggunakan kaedah baharu dengan inovatif.

1.4 Analisis Keperluan


Analisis keperluan telah dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelanggan serta keperluan-keperluan pelanggan untuk pembinaan dan pembangunan produk kajian. Berikut merupakan analisis keperluan yang telah dilakukan kepada responden bagi tujuan penghasilan produk kajian kali ini.

JADUAL 1.1

Demographic Responden Kajian

- Bangsa

Rajah 1.1 menunjukkan bangsa melayu 67.5% telah mengisi *google forms* manakalah 32.5% ialah bangsa india.




Rajah 1.1

- Umur

Rajah 1.2 menunjukkan majoriti responden yang telah respond ialah berumur diantara 16 - 26 (50%). Seterusnya, 14 responden berumur 37 - 46 (30%) adalah para pelanggan yang sederhana menjawab soal selidik itu. Selain itu, berumur diantara 27 - 36 (10%) dan 47 - 56 (10%) adalah pelanggan yang paling kurang direspond. Di samping itu, Semua responden merupakan ahli

peniaga dan pekerja daripada Syarikat Devanai Enterprise. Kesemua responden mempunyai pengalaman dalam perniagaan ini sekurang-kurangnya 5 tahun.



Rajah 1.2

JADUAL 1.2

Analisis Keperluan Kajian

	Ya (%)
Maklumat laman web relevan dan memenuhi keperluan	100
Maklumat perhubungan yang senang dicari.	100
Perincian servis yang ditawarkan	100
Kesukaran perhubungan dengan pekerja	90
Masa menunggu yang lama berlaku menyebabkan pembaziran masa dan tenang	100
Tiada slot temujanji	30

Rajah 1.3

Daripada jadual di atas, responden bersetuju masalah membuat tempahan dalam laman web lama melibatkan kesukaran maklumat laman web relevan dan memenuhi keperluan, perincian servis yang ditawarkan, maklumat perhubungan yang senang dicari, masa menunggu yang lama berlaku menyebabkan pembaziran masa dan tenang maklumat perhubungan yang senang dicari, Bagi item kedua pula iaitu kesukaran kesukaran perhubungan dengan pekerja didapati seramai 90% responden bersetuju dengan pernyataan ini . 30% responden menyatakan bahawa mereka mengalami kesukaran tiada slot temujanji.

1.5 Objektif Projek

Projek ini dijalankan untuk

- (i) Kehadiran pelanggan yang ramai pada satu-satu masa telah menyebabkan SOP kehadiran pelanggan di kedai tidak dapat dipatuhi.
- (ii) Masa menunggu yang panjang oleh pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang objektif kajian ini untuk mengatasi masalah menunggu yang panjang oleh pelanggan.
- (iii) Mempunyai pengoperasian secara digital menyebabkan syarikat ini lebih dikenali secara digital.

1.6 Persoalan Projek

Terdapat beberapa persoalan yang dapat dikaitkan dengan projek ini. Antara persoalannya ialah:

- (i) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Syarikat Devanai Enterprise?
- (ii) Apakah kaedah-kaedah yang akan memudahkan Syarikat Devanai Enterprise?
- (iii) Mengapakah laman web ini berkesan dalam membantu pekerja menguruskan perniagaan?

1.7 Skop Projek

Kajian ini hanya dilakukan di syarikat Devanai Enterprise. Laman web yang dibangunkan hanya khas untuk syarikat Devanai Enterprise yang mungkin boleh ditambah baik untuk syarikat-syarikat lain.

1.8 Kepentingan Projek

Kepentingan projek ini adalah untuk membantu syarikat Devanai Enterprise untuk menjalankan perniagaan sistematik. Justeru dengan adanya DHS booking dapat memudahkan pelanggan penempahan slot untuk Gunting Rambut. Seterusnya pelanggan boleh menjimatkan masa dengan menempah secepat mungkin melalui online tanpa menunggu lama. Akhir sekali, perjalanan business lebih mudah dengan menggunakan DHS booking.

1.9 Takrifan Istilah

Istilah untuk keperluan dan keberkesanan laman web perincian Devanai Enterprise.

- i.** DHS Booking - ialah satu laman web yang memudahkan pelanggan untuk menempah slot bagi menggantung rambut tanpa membazirkan masa. Bukan itu sahaja, sistem ini juga memudahkan pekerja kedai gunting rambut untuk menguruskan tempahan online dengan melayari laman web tersebut. Laman web yang dicipta khas untuk membantu Perniagaan kedai gunting rambut memberi pekhidmatan yang baik kepada pelanggan tanpa menempah slot secara fizikal.
- ii.** Syarikat Deivanai Enterprise - adalah kedai gunting rambut untuk lelaki sahaja. Kedai ini berada di Taiping, Perak. Laman web yang dicipta khas untuk membantu Perniagaan syarikat Devanai Enterprise dalam melaksanakan tugas dan pekerjaan harian mereka dengan lebih mudah. Oleh itu, Syarikat tersebut mendapat uncutng yang lumayan dalam perniagaan mereka.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan keperluan menjalankan perniagaan sistematik. Pengkaji berharap bahawa, DHS Booking dapat memudahkan pelanggan penempahan slot untuk menggantung rambut di Syarikat Devanai Enterprise.

(NGAH 2015)

BAB 2

KAJIAN LAPANGAN

2.0 Pengenalan

WP Amelia Staff (2020) pula menyatakan bahawa laman web adalah satu sistem server internet yang menyokong hypertexts yang berkebolehan berhubung dengan pelbagai protokol internet dengan menggunakan satu saluran. Ia berasaskan dokumen-dokumen multimedia yang dikenali sebagai laman web. Bab ini meninjau keperluan pembangunan laman web kepada Syarikat Devanai Enterprise yang berada di kawasan Taiping, Perak. Pembangunan laman web ini adalah berdasarkan kepada keperluan peniagaan yang dikaji serta keperluan tempahan terhadap perniagaan mereka. Keberkesanan laman web juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

2.1 Keperluan DHS Booking

Sebab utama membina laman web ini adalah membolehkan pelanggan menyemak tempahan dan ketersediaan di mana-mana sahaja dengan menggunakan sebarang peranti mudah alih. Seterusnya, melalui DHS Booking, pelanggan baharu untuk mengunjungi kedai Devanai Enterprise. Pada zaman yang serba canggih ini, boleh dikatakan hampir semua orang memiliki telefon pintar yang mempunyai sambungan internet. Seperti yang kita semua sedia maklum laman web lebih mudah untuk dijumpai di enjin carian berbanding dengan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Oleh itu, untuk memudahkan perniagaan Devanai Enterprise ditemui oleh pelanggan, amatlah disarankan agar sebuah laman web bisnes perlu ditubuhkan.

DHS Booking System menyediakan cara yang cepat dan mudah untuk menyampaikan maklumat perkhidmatan kepada pelanggan. Dengan laman web ini boleh menyenaraikan waktu buka kedai, maklumat hubungan, menunjukkan imej lokasi kedai dan boleh buat tempahan slot masa dan tarikh. Kaedah ini merupakan cara yang baik untuk mempromosikan saluran media sosial dan membina komuniti dengan pelanggan. Oleh itu, laman web ini mempunyai keperluan - keperluan seperti yang dinyatakan.

2.2 Keberkesanan DHS Booking

Ahmad Hariza Hashimmen (2019) menjelaskan laman web adalah laman yang mengandungi pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik, animasi audio dan video yang berdasarkan kepada citarasa dan kreativiti pembinaan laman web tersebut. Manakala Zolkepli et al. (2001) dalam Zurina et al. (2009) menjelaskan laman web ialah integrasi grafik, teks dan bunyi ke dalam satu halaman paparan. Melalui laman web semua maklumat dapat diakses dengan hanya menekan dengan hujung jari. Selain itu, laman web yang kami Membangunkan dapat memberikan informasi perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Devanai Enterprise kepada pelanggan dengan meluas.

Syarikat Devanai Enterprise sangat memerlukan DHS Booking. Pelanggan adalah menunggu lama di luar kedai untuk mengunting rambut sebab semua pelanggan tidak boleh masuk dalam kedai pada masa SOP ini. Dengan mengadakan laman web DHS Booking perniagaan akan melancar sistematik. Laman web begini boleh memudahkan sistem pengurusan syarikat dan mudah untuk menempah slot oleh pelanggan. Pelanggan tidak perlu datang ke kedai dan menunggu lama untuk mengunting rambut mereka. Melalui pelanggan menempah slot untuk gunting rambut pelanggan dapat menjimatkan masa dan tekanan fizikal.

2.3 Perniagaan atas talian

Menurut kajian ditulis oleh Norasmah Othman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2019) telah menyatakan bahawa teknologi telah lama wujud dalam kehidupan manusia. Perkembangan teknologi maklumat banyak membantu dunia untuk mencapai kemajuan. Hal ini kerana, melalui perkembangan teknologi maklumat pelbagai perkhidmatan dapat disediakan contohnya dalam sektor perniagaan, melalui perniagaan yang dijalankan pihak pengusaha dapat menjalankan aktiviti perniagaan mereka melalui jualan dan tempahan secara atas talian. Evolusi telefon kepada telefon bimbit dan seterusnya menjadi telefon pintar telah mengubah landskap masyarakat hari ini di mana setiap perkara bergerak dengan pantas dan singkat. Bagai cendawan tumbuh selepas hujan, begitulah juga penggunaan aplikasi di telefon pintar di mana pelbagai aplikasi yang diperkenalkan termasuklah perniagaan secara atas talian. Hanya dengan sambungan Internet, perniagaan atas talian atau dikenali sebagai e-dagang membolehkan sesiapa sahaja melakukan urusan jual beli secara maya.

Tambahan pula dari sudut pandang peniaga pula, kelebihan perniagaan secara atas talian memberikan risiko yang lebih rendah untuk menjalankan perniagaan. Hal ini demikian kerana peniaga tidak perlu mengeluarkan kos untuk menyewa kawasan perniagaan serta mengupah pekerja pada kadar yang lebih optimum berbanding perniagaan konvensional. Kos untuk memulakan sesebuah perniagaan konvensional biasanya lebih tinggi tetapi kos sewa kedai, ubah suai bangunan, upah pekerja dan lain-lain dapat dikurangkan melalui perniagaan dalam talian. Sebaliknya, peniaga memerlukan kemahiran komunikasi yang tinggi bagi menjaga hubungan dengan pelanggan serta mengharapkan servis penghantaran yang digunakan melakukan tugas yang baik.

2.4 Rumusan

Bab ini meninjau mengenai keperluan dan keberkesanan pembangunan DHS Booking untuk perniagaan kedai gunting rambut bagi perniagaan Devanai Enterprise. Menurut kajian-kajian lepas, ia dapat membuktikan bahawa penggunaan laman web memberi impak yang besar untuk perniagaan kedai gunting rambut. Keperluan laman web adalah sangat penting untuk setiap perniagaan, hal ini kerana penggunaan laman web ini dapat meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan keuntungan perniagaan. Seterusnya keberkesanan laman web, adalah keupayaan laman web tersebut dalam memberikan kesan terhadap pengguna yang menggunakannya. Laman web tersebut perlu memiliki ciri-ciri unik yang dapat menarik perhatian pengguna. Akhir sekali, teknologi yang kini maju membolehkan perniagaan dijalankan secara atas talian. Ini membantu para pelanggan untuk tempahan mereka melalui Internet terutamanya ketika pandemik Covid-19 ini.

BAB 3: METODOLOGI/REKA BENTUK

3.1 Pendahuluan

Bab ini, akan membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini akan menerangkan tentang prosedur untuk membina laman web DHS Online kepada syarikat Devanai Enterprise. Kemudian membincangkan penyelidikan merangkumi persampelan, perkembangan, teknik pengumpulan data dan menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 Reka bentuk projek

3.2.1 Kaedah/Prosedur/Teknik Penghasilan Projek


Dalam proses membangunkan laman web DHS Booking, terdapat beberapa langkah perlu dijalankan seperti berikut :-

Langkah 1

Mengumpul semua maklumat daripada syarikat Devanai Enterprise untuk mengetahui masalah yang dihadapinya. Masalah tersebut dicatat iaitu pelanggan adalah menunggu lama di luar kedai untuk mengunting rambut sebab semua pelanggan tidak boleh masuk dalam kedai pada masa SOP ini dan kami akan menyelesaikan masalah tersebut dengan mengadakan laman web DHS Booking perniagaan akan melancar sistematik.

Langkah 2


Kaedah – kaedah pembangunan laman web DHS Booking.



Rajah 3.0


Langkah 3

Selepas akses laman web akan keluar paparan slogan dan dibawah slogan tersebut mempunyai butang “BOOK NOW” untuk pelanggan membuat tempahan.




Rajah 3.1

Halaman yang seterusnya kami meletak maklumat tentang perniagaan Devanai Enterprise. Daripada maklumat ini pelanggan akan dapat informasi yang lebih lanjut tentang perniagaan ini.




Rajah 3.2

Halaman yang seterusnya adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Devanai Enterprise. Perkhidmatan yang merangkumi dalam laman web ini adalah menguting rambut, mewarnakan rambut dan mencukur rambut ikut kesesuaian pelanggan.




Rajah 3.3

Halaman ini mengandungi statistik kemahiran dalam pelbagai gaya rambut lelaki seperti gunting rambut, gaya rambut, potong rambut pisau cukur, facial muka dan mewarnakan rambut.




Rajah 3.4

Halaman ini mengandung contoh gaya rambut yang populer untuk pelanggan. Daripada ini pelanggan boleh memilih gaya rambut ikut kesesuaian mereka.




Rajah 3.5

Halaman ini mengandung harga yang ditawarkan oleh Devanai Enterprise. Harga yang ditawarkan ialah mengikuti gaya rambut pelanggan.



Rajah 3.6

Halaman ini untuk mendaftar diri pelanggan untuk mendapatkan info promosi pada masa yang datang. Pelanggan boleh memberi komen atau cadangan untuk memajukan dan meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat Devanai Enterprise.



The screenshot shows a dark-themed website interface. At the top right, there is a navigation menu with links: Home, About Us, Services, Gallery, Pricing, and Contact. The main heading is 'Get In Touch' in a light blue font. Below the heading, there are two columns. The left column is titled 'Contact Details' and lists: 662, Jalan Taman Kota Jaya; Phone: +60 165147773; and Email: devanaienterprise@gmail.com. The right column contains a contact form with four input fields: 'Your Name', 'Your Email', 'Subject', and 'Message'. A teal 'Submit' button is located at the bottom right of the form.

Rajah 3.7

3.2.2 Cara untuk mengendalikan laman web DHS Booking

Carta Aliran:

NOTA:

Pengguna akan pergi ke laman web terlebih dahulu dan melihat butiran untuk potongan rambut.

Pengguna perlu mengklik butang untuk memasukkan borang google untuk menempah slot.

Selepas pengguna mengisi butiran, pengguna boleh menyerahkan. Jika pengguna seterusnya ingin menempah untuk masa yang sama, slot masa tidak akan ditunjukkan dalam borang google kerana pengguna sebelumnya sudah memilihnya.

Selepas menyerahkan pelanggan boleh pergi mengikut slot masa mereka untuk memotong rambut mereka.



3.3 Bahan dan peralatan

Kami mengguna laman sesawang Agile SDLC model sebagai model rujukan untuk membabangunkan produk kami laman web ini. Agile SDLC model ini memudahkan kita untuk membangunkan sesuatu laman web berdasarkan kreativiti dan kepuasan kita sendiri.

 <p>Komputer riba</p>	<p>Diperlukan untuk menghias dan merancang laman web ini semasa proses pembangunan laman web.</p>
 <p>Telefon Pintar</p>	<p>Diperlukan untuk menguji inovasi laman web ini sama ada ia akan dapat berfungsi dengan baik atau tidak.</p>
 <p>Sambungan internet</p>	<p>Diperlukan untuk melayari laman web yang membangunkan.</p>


3.4 Kajian Rintis

DHS Booking iaitu sistem penempahan ini dibangunkan mengikut keperluan Syarikat Devanai Enterprise serta dari hasil temu bual dengan pengurus syarikat tersebut iaitu Puan Devanai dan juga pekerjaanya. Seterusnya, kami memutuskan untuk melakukan pra-penyelidikan ke atas 20 orang responden untuk mengetahui pendapat mereka mengenai inovasi terhadap DHS Booking ini. maklumat terhadap sistem ini membuat pekerja syarikat tersebut. termasuk Puan Devanai pengurus syarikat itu sendiri mengambil bahagian dalam ujian ini.

3.5 Maklumbalas Kajian Rintis

1. Adakah laman web DHS Booking memudahkan slot penempahan?


20 responses



Rajah 3.5.1

2. Adakah laman web DHS Booking mengurangkan pembaziran masa menunggu pelanggan?


20 responses



Rajah 3.5.2

3. Adakah penggunaan laman web ini mengurangkan stress pekerja dari segi kekurangan kedatangan ramai pelanggan?


20 responses



Rajah 3.5.3

4. Adakah laman web DHS Booking memudahkan pekerja untuk berhubung dengan pelanggan?


20 responses



Rajah 3.5.4

5. Adakah DHS Booking memudahkan syarikat untuk melayan ramai pelanggan pada masa yang sama?


20 responses



Rajah 3.5.5

6. Adakah maklumat yang dinyatakan adalah mudah difahami dan sesuai dalam laman web DHS Booking ?


20 responses



Rajah 3.5.6

7. Adakah Laman Web DHS Booking mudah untuk mempromosikan perniagaannya?


20 responses



Rajah 3.5.7

8. Adakah Laman Web DHS Booking mendapat lebih banyak pelanggan tetap yang boleh membantu mengembangkan perniagaannya?


20 responses



Rajah 3.5.8

9. Adakah Laman Web DHS Booking lengkap dan memenuhi apa yang pelawat ingin tahu?


20 responses



Rajah 3.5.9

10. Adakah Laman Web DHS Booking memberikan pelanggan lebih banyak info mengenai perniagaannya?


19 responses



Rajah 3.5.10

3.6 Penambahbaikan Produk

Berdasarkan rajah 3.6.1 dibawah menunjukkan bahawa penambahbaikan sebelum dan selepas yang telah diubahsuai dan di laksanakan ialah mengubah penerangan tentang laman utama, perkhidmatan, harga untuk potong rambut dan butang tempahan yang ditawarkan. Kami telah buat penambah baikan dengan sebelum ini tidak ada slot temujanji, tiada senarai servis yang ditawarkan oleh Devanai Enterprise sebelum ini, tiada harga potongan rambut dan juga tiada kolom cadangan dan penambah baikan. Sekarang ada slot temujanji, ada senarai servis yang ditawarkan oleh Devanai Enterprise, penambah baikan harga potongan rambut dan juga kolom cadangan dan penambah baikan.



Rajah 3.6.1

3.7 Kaedah Analisis Data

Kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan set soal selidik melalui Google Form kepada pelanggan syarikat Devanai Enterprise yang terlibat dengan penggunaan laman web DHS Booking. Kaji selidik ini akan mengambil masa selama seminggu iaitu dari proses mengedarkan set soal kaji selidik sehingga set soal kaji selidik itu kembali ke tangan kami. Soal kaji selidik diberikan kepada 20 orang responden. Statistik data daripada soal kaji selidik akan dikumpul dan disenaraikan di bab yang seterusnya.

3.8 Impak Projek

Inovasi produk DHS Booking telah diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

- a) Impak Produk Terhadap Syarikat Devanai Enterprise Penghasilan DHS Booking ini telah membantu memudahkan pengguna dari segi penempahan slot temujanji melalui kaedah secara atas talian. Ia menarik perhatian dan minat pelanggan untuk cuba menggunakan laman web DHS Booking untuk penempahan slot tanpa datang ke kedai.
- b) Impak Produk Terhadap Masa. Penggunaan DHS Booking telah banyak membantu pekerja syarikat Devanai Enterprise ke arah penjimatan masa dari segi proses urusan syarikat dengan sistematik berbanding dengan keadaan sebelumnya. Sebelum ini pekerja terbabit terpaksa mengambil lebih banyak masa untuk menguruskan pelanggan yang datang ke syarikat tersebut.
- c) Impak Produk Terhadap Tenaga. Penggunaan DHS Booking ini telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dan pelanggan dari segi pengurusan berbanding dengan keadaan sebelum ini. Pekerja akan merasa legah kerana pelanggan tidak akan datang ke kedai pada masa yang sama apabila pelanggan menggunakan DHS Booking untuk tempahan slot temujanji mereka.

3.9 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini lebih menfokuskan reka bentuk laman web, proses-proses pembangunan laman web, kajian rintis, penambahbaikan laman web, analisis keberkesanan aplikasi serta kos-kos yang terlibat dalam penghasilan laman web ini. Selain itu, pada bab ini juga, kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan laman web ini diterima pakai oleh para pengguna. Terdapat sepuluh perkara yang telah dianalisis dengan menggunakan kajian soal selidik dalam talian untuk mengetahui keberkesanan laman web ini. Akhir sekali, mensasarkan pengguna DHS Booking ini yang terdiri daripada pekerja dan pelanggan yang mengunjung ke Syarikat Devanai Enterprise.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan mengenai kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan aplikasi, ujikaji-ujikaji yang dijalankan serta analisis kewangan yang terlibat untuk menghasilkan projek iaitu kos yang digunakan serta masa yang diambil untuk menyiapkan laman web DHS Booking.

4.2 Dapatan Kajian/ Pengujian

Dapatan kajian atau pengujian laman web DHS Booking yang disediakan oleh kami menunjukkan bahawa telah mendapat maklum balas yang baik dari pelanggan Syarikat Dewan Enterprice . Statistik data daripada soal kaji selidik telah dikumpul dan disenaraikan di jadual

Maklum Balas dari Responden										
Soalan/Jawapan	Sangat setuju		Setuju		Biasa		Tidak setuju		Sangat tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
Adakah laman web DHS Booking memudahkan slot penempahan?	9	45	11	55	0	0	0	0	0	0
Adakah laman web DHS Booking mengurangkan pembaziran masa menunggu pelanggan?	10	50	19	50	0	0	0	0	0	0
Adakah penggunaan laman web ini mengurangkan stress pekerja dari segi kekurangan kedatangan ramai pelanggan?	13	65	7	35	0	0	0	0	0	0
Adakah laman web DHS Booking memudahkan pekerja untuk berhubung dengan pelanggan?	13	65	7	35	0	0	0	0	0	0
Adakah DHS Booking memudahkan syarikat untuk melayan ramai pelanggan pada masa yang sama?	11	55	9	45	0	0	0	0	0	0
Adakah maklumat yang dinyatakan adalah mudah difahami dan sesuai dalam laman web DHS Booking?	9	45	11	55	0	0	0	0	0	0
Adakah Laman Web DHS Booking mudah untuk mempromosikan perniagaannya?	12	60	8	40	0	0	0	0	0	0
Adakah Laman Web DHS Booking mendapat lebih banyak pelanggan tetap yang boleh membantu mengembangkan perniagaannya?	10	50	10	50	0	0	0	0	0	0
Adakah Laman Web DHS Booking lengkap dan memenuhi apa yang pelawat ingin tahu?	11	55	9	45	0	0	0	0	0	0
Adakah Laman Web DHS Booking memberikan pelanggan lebih banyak info mengenai perniagaannya?	7	36.8	12	63.2	0	0	1	0.23	0	0

SWOT Analisis

S- Strength (Kekuatan)	W-Weakness (Kelemahan)	O-Opportunities (Peluang)	T-Threat (Ancaman)
<p>Dapat penempahan slot temujanji pelanggan, Laman web DHS Booking ini akan memudahkan urusan di syarikat Devanai Enterprise dengan hanya perlu penempahan slot temujanji atas talian untuk menguting rambut. Laman web ini dilengkapi dengan cara penempahan dan servis yang dijalankan oleh syarikat tersebut. Penggunaan laman web ini memberi pelbagai kelebihan dan kekuatan kepada syarikat tersebut.</p>	<p>Kurang dari segi kepelbagaian ciri ciri dalam laman web DHS Booking memiliki kelemahan dari segi mempelbagaikan ciri-ciri lain di dalam aplikasi tersebut. Hal ini kerana DHS Booking hanya mempunyai satu fungsi iaitu penempahan slot temujanji atas talian. Tetapi ia mungkin boleh ditambah lagi ciri-ciri lain pada masa akan datang.</p>	<p>Tidak banyak perniagaan kedai gunting rambut mempunyai laman web yang memudahkan pelanggan untuk menempah slot temujanji. Penggunaan laman web ini memberi kelebihan kepada syarikat Devanai Enterprise kerana Laman web seperti ini jarang ditemui di mana mana kedai gunting rambut dan ini memberi peluang terbuka kepada syarikat Devanai untuk mempunyai laman web sendiri. Ini kerana laman web merupakan salah satu teknologi hebat yang dapat memudahkan urusan pengguna. Oleh itu, pembangunan laman web ini memberi kelebihan kepada perniagaan dengan menguruskan sistematik.</p>	<p>Berkemungkinan kedai gunting rambut lain juga akan membangunkan laman web seperti ini. Pada era sekarang ini, ramai orang terutamanya peniaga peniaga berpeluang membangunkan satu laman web dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan laman web untuk kedai gunting rambut lain juga boleh dibangunkan. Berkemungkinan laman web yang mungkin dibangunkan akan mempunyai kelebihan yang tidak setanding dengan laman web sebelumnya dan lebih banyak ciri-ciri khas boleh ditambah berbanding laman web DHS Booking ini.</p>

4P's ANALISIS

Product (Produk)	Price (Harga)	Place (Tempat)	Promotion (Promosi)
<p>Laman web DHS Booking. Laman web ini dilengkapi dengan kelebihan seperti penempahan slot temujanji. Ini kerana penempahan atas talian menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang kerana caranya yang cepat dan mudah tanpa menunggu lama. Oleh itu, laman web ini mempunyai kaedah penempahan atas talian yang boleh dilakukan oleh kebanyakan penggunaan atas talian Laman web ini boleh melayari melalui Google untuk penempahan.</p>	<p>Setelah beberapa tinjauan dibuat, harga untuk menubuhkan sistem ini adalah dalam lingkungan RM100 hingga RM300. Tetapi, produk yang kami bangunkan me elan sebanyak RM310. Place (tempat)</p> <p>Memandangkan produk yang dibangunkan ini berbentuk laman web DHS Booking tersebut akan diletakkan di platform Google.</p>	<p>Memandangkan produk yang dibangunkan ini berbentuk laman web DHS Booking tersebut akan diletakkan di platform Google.</p>	<p>DHS Booking ini manjadi satu elemen yang penting untuk Syarikat Devanai Enterprise supaya syarikat ini lebih dikenali oleh masyarakat setempat. Selain itu, apabila pelanggan – pelanggan yang datang ke syarikat itu rasa puas hati dan selesa. Mereka juga akan mempromosikan syarikat ini kepada ramai orang.</p>

4.3 Perbincangan

Dari hasil perbincangan, dengan adanya laman web DHS Booking ini, pemilik Syarikat Devanai Enterprise tidak perlu bimbang lagi akan persaingan kerana wujudnya laman web DHS Booking ini dapat menyasarkan lagi pelanggan yang gemar menggunakan telefon pintar sebagai perantaraan di dalam era digital ini. Sebaliknya, kelemahan utama mengakses laman web adalah kadang kadang liputan internet tidak dapat menyempurnakan penempahan tersebut.

4.4 Kos yang terlibat

Kos pelaksanaan projek merupakan kos yang terlibat bagi menyiapkan Laman web DHS Booking

KEPERLUAN	KOS (RM)
Kos Laman web lama	140
Kos Laman web baru	150
Perbelanjaan lain	20
Jumlah	310

4.5 Rumusan

Secara kesimpulan, majoriti responden iaitu 65% sangat bersetuju mengenai penggunaan laman web ini mengurangkan stress pekerja dari segi kekurangan dan ia juga memudahkan pekerja untuk berhubung dengan pelanggan. Selain itu, majoriti responden iaitu 63.2% telah setuju dengan Laman Web DHS Booking ini memberikan pelanggan lebih banyak info mengenai perniagaannya. Akhirnya, 0.23% responden tidak bersetuju dengan Laman Web DHS Booking ini memberikan pelanggan lebih banyak info mengenai perniagaannya.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan cadangan dan kesimpulan hasil kajian reka bentuk laman web “Dhs Booking” yang telah dibangunkan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) bagi menghasilkan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk.

5.2 Kesimpulan

Laman web DHS Booking ini dibangunkan untuk menangani masalah seperti pelanggan Devanai Enterprise menunggu lama di luar kedai untuk mengunting rambut. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah baharu dengan inovatif dan juga dapat membantu mengembangkan lagi perniagaan Devanai Enterprise dalam perniagaan secara atas talian.

Kesukaran perhubungan dengan pekerja di syarikat Devanai Enterprise dapat mengetahui bahawa pelanggan tidak boleh merapatkan diri sendiri dengan pekerja-pekerja di syarikat ini. Ini akan tidak mewujudkan suasana yang harmoni di kedai Devanai Enterprise.

Laman web ini akan dicuba oleh pelanggan dari Syarikat Devanai Enterprise untuk melihat keberkesanan laman web DHS Booking. Antara ciri yang perlu dibuat oleh pelanggan adalah membuat tempahan dalam laman web DHS Booking. Oleh itu, pelanggan yang datang ke kedai tidak perlu menunggu lama untuk mendapat giliran.

5.3 Cadangan

Laman Web DHS Booking ini mempunyai kelebihan dan berkesan untuk membantu kedai Devanai Enterprise dalam proses menambah profitnya sekaligus menjadi kedai gunting rambut yang terbaik dalam penggunaa laman web. Antara kelemahannya yang mungkin ada ialah liputan internet yang lemah akan menyebabkan pengguna sukar untuk mengakses laman web DHS Booking. Seterusnya, kelemahan dari segi soalan dalam laman web boleh diatasi dengan merombak kembali soalan yang berkaitan kepada soalan yang lebih relevan. Akhir sekali,

diharapkan laman web ini dapat membantu dan boleh diguna pakai oleh Devanai Enterprise demi menjana ekonomi tanpa iklan berbayar.

5.4 Limitasi projek

1. Jumlah analisis kajian

Jumlah analisis kajian adalah terhad. Analisis projek ini dijalankan di Kawasan Taiping, Perak sahaja. Adalah lebih baik jika analisis ini dijalankan diseluruh kawasan Perak.

2. Penggunaan Projek

Laman Web ini hanya boleh digunakan di Syarikat Devanai Enterprise sahaja buat masa ini. Sekiranya laman web DHS Booking ini berjaya memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan di syarikat Devanai Enterprise, sebagai pengkaji kami akan memperluaskan lagi teknologi seperti ini kepada syarikat yang berkaitan dengan hiasan kertas dalaman atau syarikat lain yang memerlukan satu laman web untuk memudahkan urusan tempahan slot mereka dengan pelanggan.

3. Instrumen Kajian

Kajian ini hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data iaitu melalui soal selidik. Selain soal selidik pengkaji boleh mendapat maklumat melalui temu bual dengan pelanggan Devanai Enterprise dan lain lain kaedah.

5.5 Rumusan

Secara dasarnya, kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi laman web DHS Booking yang dibangunkan untuk kegunaan pelanggan. Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai proses membangunkan laman web DHS Booking. Kertas kerja projek ini megandungi lima bab yang telah dibincangkan. Bab yang pertama membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian tentang syarikat Devanai Enterprise. Bab yang kedua membincangkan tentang kajian lapangan seperti keperluan laman web, keberkesanan aplikasi dan perniagaan atas talian. Bab ketiga membincangkan mengenai kaedah metodologi seperti reka bentuk yang digunakan, kaedah analisis data dan impak projek. Seterusnya, bab keempat ialah mengenai dapatan kajian dan perbincangan mengenai keberkesanan aplikasi dan kos yang terlibat. Akhir sekali, bab kelima merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek.

Rujukan

1. <https://www.binawebsite.com/mengenai-binawebsite>
2. https://www.bing.com/search?q=laman+web+kebaikan&qs=n&form=QBRE&msbsrank=0_1_0&sp=-1&pq=laman+web+kebaikan&sc=118&sk=&cvid=BF64BEBBBBF0406D898EB97E530E7507
3. <https://gtechgroups.blogspot.com/2013/06/kebaikan-dan-keburukan-penggunaan.html>
4. https://www.investopedia.com/terms/g/green_tech.asp
5. <https://ngfiona18.blogspot.com/2015/09/petikan-kebaikan-dan-keburukan-laman.html>
6. <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2021/01/664332/perniagaan-dalam-talian-tumbuh-pesat>
7. https://pspedumy.sharepoint.com/:w:/s/BusinessLAWDPM3ADis2020/ETbB611n2klFgU_IWx3gXFUBY1pQHxTBZKp6BmzfSOaDcw
8. http://journalarticle.ukm.my/10889/1/Artikel-3_Zaleha-Yazid_FEP.pdf
9. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/21/21/>
10. <https://jati.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/download/5534/3291>


Lampiran

Syarikat Devanai Enterprise



Soal Selidik Analisis Keperluan DHS Booking

Kajian Analysis Keberkesanan DHS Booking

 saarvienp1725@gmail.com
(not shared) [Switch account](#)



Untitled Section

1. Adakah laman web DHS Booking memudahkan slot penempahan?

- Option 1
- Setuju
- Biasa
- Tidak setuju
- Tidak sangat setuju



Soal Selidik Analisis Keberkesanan DHS Booking

Kajian Analisis Keberkesanan DHS Booking

saarvienp1725@gmail.com
(not shared) [Switch account](#)

Untitled Section

1. Adakah laman web DHS Booking memudahkan slot penempahan?

Option 1
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat setuju

2. Adakah laman web DHS Booking mengurangkan pembaziran masa menunggu pelanggan?

Sangat setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat setuju

3. Adakah penggunaan laman web ini mengurangkan stress pekerja dari segi kekurangan kedatangan ramai pelanggan?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat setuju

4. Adakah laman web DHS Booking memudahkan pekerja untuk berhubung dengan pelanggan?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak Setuju
 Tidak sangat setuju

5. Adakah DHS Booking memudahkan syarikat untuk melayan ramai pelanggan pada masa yang sama?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat setuju

6. Adakah maklumat yang dinyatakan adalah mudah difahami dan sesuai dalam laman web DHS Booking ?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat setuju

7. Adakah Laman Web DHS Booking mudah untuk mempromosikan perniagaannya?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat Setuju

8. Adakah Laman Web DHS Booking mendapat lebih banyak pelanggan tetap yang boleh membantu mengembangkan perniagaannya?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak setuju
 Tidak sangat Setuju

9. Adakah Laman Web DHS Booking lengkap dan memenuhi apa yang pelawat ingin tahu?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak Setuju
 Tidak sangat Setuju

10. Adakah Laman Web DHS Booking memberikan pelanggan lebih banyak info mengenai perniagaannya?

Sangat Setuju
 Setuju
 Biasa
 Tidak Setuju
 Tidak sangat Setuju

[Back](#) [Submit](#) [Clear form](#)